



PANDUAN PEMERIKSAAN KENDERAAN TEKSI / TEKSI EKSEKUTIF / TEKS1M



Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini boleh diterbitkan semula atau dipindahkan ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman, atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan/atau sistem menyalin kecuali dengan keizinan bertulis PUSPAKOM Sdn Bhd

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	M/S
1	PENGENALAN	3
2	DOKUMENTASI	4
3	FEE PEMERIKSAAN	5
4	PROSEDUR PEMERIKSAAN	5
5	PENGESAHAN IDENTITI	5
6	PEMERIKSAAN BAHAGIAN ATAS	6
	i. Tanda Badan – Luaran	6 -15
	ii. Tanda Badan – Dalaman	16 - 23
	iii. Luar dan Dalam Kenderaan	23 - 29
7	PEMERIKSAAN BAHAGIAN BAWAH	29 - 30
8	PEMERIKSAAN KETELUSAN CAHAYA CERMIN	30
9	PEMERIKSAAN PERALATAN KHAS	30
10	PIAWAIAAN PEMERIKSAAN	31
	i. Ujian Asap (Enjin Diesel)	31
	ii. Gas Analisa (Enjin Petrol)	31
	iii. Ujian Lampu Puncak	31
	iv. Ujian Gelincir Sisi	31
	v. Ujian Suspensi	31
	vi. Ujian Brek	31
	vii. Ujian Meter Laju	31
	viii. Ujian Meter Teksi	32
11	WHISTLEBLOWER POLICY	33
12	TERMA & SYARAT	33
13	RUJUKAN	34

PENGENALAN

PUSPAKOM merupakan pakar pemeriksaan kenderaan di Malaysia. Pemeriksaan kami melindungi pemandu, penumpang, pengguna jalanraya dan meningkatkan keselamatan jalan raya.

Ditubuhkan pada tahun 1994, **PUSPAKOM** merupakan anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Bhd, sebuah konglomerat yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Kami adalah satu-satunya syarikat pemeriksa kenderaan yang dilantik oleh kerajaan Malaysia untuk melakukan semua pemeriksaan mandatori terhadap kenderaan awam dan perdagangan, serta kenderaan persendirian untuk tujuan pembiayaan sewa beli, pindah milik dan insurans.

PUSPAKOM telah mencapai pertumbuhan dan perubahan yang mampan. Kami mengembangkan rangkaian kami ke seluruh negara bagi memastikan pusat pemeriksaan kami berdekatan dengan anda.

Pada hari ini, **PUSPAKOM** mempunyai 56 Pusat Pemeriksaan di seluruh negara yang juga memberikan perkhidmatan tambahan di lebih daripada 25 lokasi pemeriksaan, dan melakukan lebih dari 3 juta pemeriksaan setiap tahun. **PUSPAKOM** diberikan konsesi selama 15 tahun oleh kerajaan pada tahun 2009, dan kami berada di landasan pengembangan dan penambahbaikan berterusan yang akan memenuhi keperluan populasi permotoran negara yang meningkat dengan pesat. Kami berbangga dengan tugas kami dalam menjalankan pemeriksaan kenderaan mengikut piawaian antarabangsa dan kami juga menyokong industri pengangkutan di Malaysia.

Panduan pemeriksaan kenderaan ini akan memberikan gambaran yang jelas akan pemeriksaan yang dijalankan di setiap cawangan PUSPAKOM. Ini termasuklah jenis-jenis pemeriksaan, kadar bayaran, dokumen-dokumen yang diperlukan, proses pemeriksaan dan pelbagai lagi maklumat yang berguna.

Segala maklumat di dalam naskah ini akan dapat membantu setiap pelanggan dalam penyediaan kenderaan mereka sebelum pemeriksaan dan melalui keseluruhan proses pemeriksaan dengan mudah dan cepat, tanpa mengharungi sebarang masalah.

DOKUMENTASI

Dokumen Yang Diperlukan	
Kad Pendaftaran Kenderaan (Asal / Salinan yang disahkan oleh JPJ / Persuruhjaya Sumpah Berdaftar) / Sijil Pemilikan Kenderaan-VOC (Asal) / Maklumat Kenderaan daripada JPJ (bagi kenderaan berdaftar)	
Pemeriksaan Awalan	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Surat Tawaran Kelulusan SPAD (STK) (Asal) ❖ Sijil Timbang Berat (STB) ❖ Sijil Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) ❖ Lesen Import-JK69 (AP) bagi kenderaan import sahaja ❖ Sijil Kelulusan Meter Teksi daripada JPJ (T1) ❖ Surat Jualan Pembekal Kenderaan Asal ❖ Sijil Pendaftaran Perniagaan (SSM) ❖ Surat Pemasangan NGV ❖ PG11A / *Pelan Kenderaan bagi kenderaan berkaitan ❖ Surat Kelulusan Pemasangan Iklan Pada Badan Kenderaan SPAD / JPJ
Pemeriksaan Berkala	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Laporan Pemeriksaan Terkini (VR1) / Disk Pemeriksaan Terkini ❖ Laporan Meter Teksi Terkini (TR2) ❖ Saman JPJ / Resit Kompaun (jika kenderaan gagal menghadiri pemeriksaan pada tarikh yang telah ditetapkan) ❖ Surat Kelulusan tunda tarikh pemeriksaan JPJ
Pemeriksaan Semula	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Laporan Pemeriksaan Terkini (VR1) ❖ PG1 (Gagal ujian brek 3 kali berturut-turut)
Pemeriksaan Khas	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Dokumen berkaitan dengan tujuan pemeriksaan

FEE PEMERIKSAAN

Fee Pemeriksaan			
Awalan	RM 70.00	CBP 6%	RM 74.20
Berkala	RM 55.00		RM 58.30
Semula	RM 25.00		RM 26.50
Khas	RM 50.00		RM 53.00
Meter Teksi	RM 50.00		RM 53.00

PROSEDUR PEMERIKSAAN

PENGESAHAN IDENTITI

• Nombor Casis	Jelas, terang, tidak terusik dan nombor adalah sama pada Kad Pendaftaran Kenderaan / Sijil Pemilikan Kenderaan-VOC
• Nombor Enjin	

PEMERIKSAAN BAHAGIAN ATAS

Tanda Badan – Luaran


- Tanda nama
 - i. Teksi : Tanda nama (selaras dengan dokumen) pada kedua-dua pintu hadapan yang mempunyai bulatan berwarna kuning dan petak berwarna putih, rujuk Gambar 1
 - ii. Teksi Eksekutif : Tanda nama (selaras dengan dokumen) pada kedua-dua pintu hadapan yang mempunyai bulatan dan petak berwarna putih, rujuk Gambar 2
 - iii. TEKS1M : Perkataan “TEKS1M” dan tanda nama (untuk syarikat sahaja) pada sisi bahagian belakang kiri dan kanan kenderaan, rujuk Gambar 3
: Perkataan “TEKS1M” pada bahagian hadapan hud kenderaan, rujuk Gambar 4



Gambar 1



Gambar 2




Gambar 3




Gambar 4

- Ukuran tanda nama
 - i. Teksi, rujuk Gambar 5
 - ii. Teksi Eksekutif, rujuk Gambar 6
 - iii. TEKS1M, rujuk Gambar 7, Gambar 7a dan Gambar 7b



Gambar 5



Gambar 6



Ukuran tanda nama di hadapan hud kenderaan
Gambar 7



Gambar 7a



Ukuran tanda nama di sisi bahagian belakang kenderaan
Gambar 7b

- Mempamerkan Hotline SPAD (Semenanjung Malaysia) pada bahagian belakang sebelah kanan kenderaan, rujuk Gambar 8



Gambar 8

- Ukuran Hotline SPAD (Luar), rujuk Gambar 9
 - i. Jenis tulisan : Arial Black
 - ii. Saiz tulisan : 72
 - iii. Warna latar belakang : Putih (Pemantul Cahaya)
 - iv. Warna tulisan : Hitam
 - v. Saiz logo SPAD : 3.5cm x 3.5cm
 - vi. Saiz kod QR : 3.5cm x 3.5cm



Gambar 9

- Lambang Teksi dan Teksi Eksekutif pada bumbung kenderaan (*Roof Top Sign*) untuk menunjukkan teksi sedang disewa atau boleh disewa, rujuk Gambar 10 dan Gambar 10a



Gambar 10



Gambar 10a

- Lambang “TEKS1M” pada bumbung kenderaan (*Roof Top Sign*)
 - i. Mempunyai lampu jenis diod pemancar cahaya (*Light Emitting Diode (LED)*)
 - ii. Mempamerkan perkataan “TEKS1M” berwarna hijau untuk menunjukkan teksi boleh disewa, rujuk Gambar 11
 - iii. Mempamerkan perkataan “HIRED” berwarna merah untuk menunjukkan teksi sedang disewa, rujuk Gambar 12



Gambar 11



Gambar 12

- Segala perubahan adalah tertakluk kepada arahan semasa SPAD

Tanda Badan – Dalaman

- Mempamerkan di bahagian *dashboard* kenderaan, rujuk Gambar 13
 - i. Kad pemandu
 - ii. Nombor pendaftaran kenderaan
 - iii. Kadar tambang
 - iv. Saiz, ukur lilit dan tekanan angin tayar
 - v. Tanda "DILARANG MEMBUANG SAMPAH KELUAR DARI KENDERAAN INI"




Gambar 13

- Mempamerkan nombor pendaftaran kenderaan di bahagian atas kedua-dua pillar tengah, rujuk Gambar 14



Gambar 14

- Mempamerkan piagam pelanggan di dalam kenderaan:
 - i. Teksi dan Teksi Eksekutif : Pada bahagian cermin sisi kanan belakang, rujuk Gambar 15 dan Gambar 16
 - ii. TEKS1M : Pada belakang tempat duduk pemandu bersaiz A4 dan berorientasi *Landscape*, rujuk Gambar 17



Piagam Pelanggan pada bahagian dalam cermin sisi kanan belakang

Gambar 15



Pigam Pelanggan pada bahagian dalam cermin sisi kanan belakang

Gambar 16



Pigam pelanggan pada belakang tempat duduk pemandu

Gambar 17

- Mempamerkan kadar tambang di dalam kenderaan:
 - i. Teksi dan TEKS1M : Di sebelah kiri dan kanan pintu belakang, rujuk Gambar 18 dan Gambar 20
 - ii. Teksi Eksekutif : Pada bahagian pintu kiri belakang, rujuk Gambar 19




Gambar 18



Kadar tambang pada bahagian dalam pintu kiri belakang

Gambar 19



Kadar tambang di sebelah kiri dan kanan pintu belakang

Gambar 20

- Mempamerkan hotline SPAD (Semenanjung Malaysia) pada bawah cermin bahagian dalam setiap pintu kecuali pintu pemandu, rujuk Gambar 21



Gambar 21

- Ukuran Hotline SPAD (Dalam), rujuk Gambar 22
 - Jenis tulisan : Arial Black
 - Saiz tulisan : 20
 - Warna latar belakang : Putih
 - Warna tulisan : Hitam
 - Saiz logo SPAD : 2cm x 2cm
 - Saiz kod QR : 2cm x 2cm



Gambar 22


- Semua tanda-tanda pekat adalah tertakluk kepada arahan semasa SPAD

Luar dan Dalam Kenderaan

Nombor Pendaftaran	<ul style="list-style-type: none"> • Huruf dan angka berwarna hitam, latar belakang putih, rujuk Gambar 23 • Saiz huruf, rujuk Gambar 24 <ol style="list-style-type: none"> Tinggi : 70mm Lebar : 40mm Tebal : 10mm Jarak antara huruf dan angka : 30mm Jarak antara huruf / angka : 10mm • Dipamerkan dengan jelas, terang, kemas, tidak patah dan tidak terlindung
--------------------	---



Gambar 23



Gambar 24

Meter Teksi

- Berfungsi dengan baik
- Kedudukan di atas bahagian tengah papan pemuka, rujuk Gambar 25 dan Gambar 25a
- Pemasangan kemas, *seal meter* tidak terusik dan tidak terlindung, rujuk Gambar 25 dan Gambar 25a
- Maklumat pada paparan meter teksi dalam keadaan terang, jelas serta mudah difahami
- Resit tambang boleh dicetak (kandungan resit tertakluk kepada arahan semasa SPAD)



Seal meter

Seal meter

Gambar 25



Meter teksi

Seal meter

Gambar 25a

Komponen NGV	<ul style="list-style-type: none"> • Tangki dipasang dengan kemas, tiada kebocoran gas dan pemasangan dibuat di bengkel yang diiktiraf oleh JPJ
Pengahawa Dingin	<ul style="list-style-type: none"> • Berfungsi dan suhu 75°F (24°C) atau kurang
Tempat Duduk Pemandu dan Penumpang	<ul style="list-style-type: none"> • Berkeadaan baik, bersih dan kemas • Pembalut tidak koyak dan tidak pecah sehingga berubah bentuk asal
Bumbung	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak pecah, tidak reput dan tidak bocor • Pelapik pada bahagian dalam bumbung tidak pecah, tidak koyak dan tidak tertanggal
Papan Pemuka (Dashboard)	<ul style="list-style-type: none"> • Bersih, kemas dan tidak pecah, rujuk Gambar 26 <div data-bbox="972 550 1787 1190" data-label="Image"> <p>The image shows the driver's side of a car's interior. It features a black steering wheel with a silver center, a dashboard with several gauges (speedometer, tachometer, and fuel gauge) with red needles and markings. There are air vents on the dashboard and a small display screen or radio unit on the right side. The overall appearance is clean and well-maintained.</p> </div>

Gambar 26

<p>Meter Laju / Odometer</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kemas, bersih, tanda kelajuan adalah jelas dan berfungsi dengan baik, rujuk Gambar 27 <div data-bbox="1005 264 1756 817" data-label="Image"> </div> <p style="text-align: center;">Gambar 27</p>
<p>Tayar/Rim</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ketebalan bunga tidak kurang 1.6mm pada sekurang-kurangnya 70% daripada permukaan tayar • Semua tayar memenuhi piawaian yang telah ditetapkan serta mempunyai tandaan (<i>marking</i>) iaitu: <ol style="list-style-type: none"> MS untuk Piawaian Malaysia E bagi UNECE DOT bagi Piawaian FMVSS • Saiz tayar, kapasiti beban, indeks kelajuan mengikut spesifikasi yang sesuai dan dibenarkan • Tayar tidak terdapat: <ol style="list-style-type: none"> Gelembung berdiameter melebihi 1 inci (25mm) Bonjolan berdiameter melebihi 1 inci (25mm) Koyak atau terbelah melebihi 1 inci (25mm) Lapisan yang terdedah sehingga menampakkan benang

	<ul style="list-style-type: none"> • Tayar dipasang pada kedudukan yang betul pada roda serta tidak tersentuh pada mana-mana bahagian kenderaan • Rim tidak bengkok dan tidak berkarat dan semua <i>nud / stud</i> lengkap diikat, diikat kemas dan tidak patah
Cermin Kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak retak melebihi 6 inci, tidak longgar, tidak pecah • Tirai, bidai atau bahan lain tidak boleh dipasangkan atau digunakan • Ketelusan cahaya mematuhi piawaian (Rujuk Pemeriksaan Ketelusan Cahaya Cermin muka surat 30)
Cermin Sisi / Pandang Belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Pemasangan kemas • Tidak longgar atau tidak pecah • Sudut pandangan cermin boleh dilaras dengan baik
Pintu / Tingkap	<ul style="list-style-type: none"> • Engsel / Panel, Mekanisme Pengunci, Pintu Keluar / Masuk <ol style="list-style-type: none"> i. Tidak longgar, boleh berfungsi, tidak patah dan boleh dibuka dan ditutup ii. Dipasang kemas dan jenis cermin keselamatan (<i>safety glass</i>)
Lampu	<ul style="list-style-type: none"> • Berfungsi dan dipasang kemas dan tidak longgar • Terang, tidak pecah dan tidak retak • Warna putih (Lampu hadapan / nombor pendaftaran) • Warna merah (Lampu belakang / brek / brek ketiga) • Tidak menyala secara berkelip (<i>blinking</i>) • Warna <i>amber</i> berkelip (lampu isyarat sahaja) • Tiada pengubahsuaian daripada spesifikasi asal (<i>HID / STROBE Light</i> dll.)
Pengelap Cermin Kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> • Berfungsi dan berkeadaan baik
Badan Kenderaan (Body Work)	<ul style="list-style-type: none"> • Keadaan badan, pintu, bonet, bumbung, <i>bumper</i>, badan tidak senget dan keseluruhan badan kenderaan dalam keadaan baik • Warna badan mengikut spesifikasi, arahan semasa dan kelulusan SPAD • Tiada pengubahsuaian daripada spesifikasi asal • Pertukaran dan pembaikan perlu kelulusan JPJ <ol style="list-style-type: none"> i. <i>Roof Panel Assembly</i> ii. <i>Windscreen Pillar Front and Rear</i> iii. <i>Center Pillar</i> iv. <i>Wheelhouse Front and Rear</i> v. <i>Cowl Panel</i>

	<ul style="list-style-type: none"> vi. <i>Chassis Panel</i> vii. <i>Chassis Frame</i>
Alat Amaran (<i>Warning Instrument - Horn</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Berfungsi dengan hanya satu nada dan siren tidak dibenarkan
Tali Pinggang Keselamatan / Penumpang	<ul style="list-style-type: none"> • Berfungsi dan berkeadaan baik
<i>Accelerator / Brake / Clutch Pedal</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelapik pedal berkeadaan baik, tidak koyak dan tidak pecah • <i>Free-play clutch pedal</i> maksimum 25mm dan <i>clutch pedal bush</i> tidak haus
Roda Stereng (<i>Steering Wheel</i>) / Pemegang (<i>Handle</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Column shaft bush</i> tidak haus, <i>wheel bush</i> tidak haus, tidak pecah, <i>free-play</i> tidak melebihi 1/8 dari garis pusat

PEMERIKSAAN BAHAGIAN BAWAH

Casis / Lantai	<ul style="list-style-type: none"> • Bersih, tidak berkarat, tidak reput, tidak bengkok, tiada ubahsuai dan tidak potong sambung
Wheelhouse	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada pengubahsuaian • Pertukaran dan pembaikan perlu kelulusan JPJ
Minyak Brek	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada kebocoran dan takungan minyak boleh ditutup kemas
Brek	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Hos / Paip</i> berkeadaan baik, tidak pecah, tidak retak, tidak kemek dan tidak bocor • Silinder- Sambungan tidak patah atau tidak longgar • Tiada pengubahsuaian tanpa kelulusan JPJ
Paip Ekzos dan Penyenyap	<ul style="list-style-type: none"> • Dipasang sempurna, sambungan kemas, tidak longgar, tidak bocor dan tidak diubahsuai tanpa kebenaran • Dipasang pada kedudukan seperti yang ditetapkan • Pertukaran perlu kelulusan JPJ
Enjin / Kotak Gear	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak diubahsuai tanpa kebenaran, kemas, tidak pecah atau tidak longgar, enjin tidak bocor • Pertukaran perlu mendapatkan kelulusan JPJ
Komponen Stereng / Suspensi	<ul style="list-style-type: none"> • Berfungsi, boleh digunakan, ikatan <i>bush</i> tidak longgar, <i>bush</i> tidak haus berlebihan, tidak retak, minyak tidak bocor dan tiada penyambungan tambahan pada <i>drag link</i> atau <i>rod</i>
Sistem brek	<ul style="list-style-type: none"> • Baik dan berfungsi, tidak pecah, tidak retak, tidak kemek, tidak bocor dan sambungan

	tidak patah atau tidak longgar
Tombol Gear	<ul style="list-style-type: none"> • Tombol / Pelindung Habuk <ul style="list-style-type: none"> i. Berfungsi, berkeadaan baik dan tidak longgar ii. Pelindung habuk tidak koyak

PEMERIKSAAN KETELUSAN CAHAYA CERMIN

Cermin Hadapan	70%
Cermin Sisi Hadapan	50%
Cermin Sisi Belakang / Cermin Belakang	30%
1/5 atau 20% daripada bahagian atas cermin hadapan dibenarkan gelap	

PEMERIKSAAN PERALATAN KHAS

Alat Pemadam Api	<ul style="list-style-type: none"> • Satu unit 1kg bagi jenis CO2 atau kimia kering 'ABC' • Kandungan alat pemadam api mencukupi berdasarkan pada penunjuk tekanan dan berat • Silinder berkeadaan baik dan tidak bocor • Muncung (<i>Nozzle</i>) dan pemegang berada di dalam keadaan baik
Bekas bahan buangan atau beg sampah	<ul style="list-style-type: none"> • Mengikut kesesuaian kenderaan

PIAWAIAN PEMERIKSAAN

Bil	Perkara Pemeriksaan		Unit	Kelulusan		
i	Ujian Asap (Enjin Diesel)		%	≤ 50		
ii	Gas Analisa (Enjin Petrol)	Tahun dibuat sebelum 1/1/1997: <i>Carbon Monoxide (CO)</i>	%	≤ 4.50		
		Tahun dibuat pada atau selepas 1/1/1997: <i>Carbon Monoxide (CO)</i>		≤ 3.50		
		Tahun dibuat sebelum 1/1/1997: <i>Hydrocarbon (HC)</i>	ppm (part per mill.)	≤ 800		
		Tahun dibuat pada atau selepas 1/1/1997: <i>Hydrocarbon (HC)</i>		≤ 600		
iii	Ujian Lampu Puncak		cm/10m	-35 to -5		
iv	Ujian Gelincir Sisi		m/km	-5 ≥ x ≥ +5		
v	Ujian Suspensi (BDM ≤ 2500 kg sahaja perlu diuji)		%	≥ 25		
vi	Brek	Tahun Dibuat	Kecekapan Brek Keseluruhan (%)	Imbalance Brek (%)		Brek Tangan (%)
				Hadapan	Belakang	
		2010 dan selepas	≥ 58	≤ 30		≥ 15
Sebelum 2010	≥ 50					
vii	Ujian Meter Laju (diuji pada kelajuan 40 km/j)		km/j	30 - 50		

viii	Ujian Meter Teksi	Kelulusan	Kadar			Crossover Speed	
			Mula	Pertama	Tambahan	Pertama	Tambahan
Bajet Semenanjung Malaysia							
Tambang	RM 3.00	RM 3.25	RM 0.25	20 km/j	20 km/j		
Jarak	1000m	1000m (-10m ke +30m)	200m (-6m ke +6m)				
Masa	180 saat	180 saat ± 4 saat	36 saat ± 1 saat				
Bajet Pulau Pinang / TEKS1M Semenanjung Malaysia							
Tambang	RM 4.00	RM 4.30	RM 0.30	20 km/j	20 km/j		
Jarak	1000m	1000m (-10m ke +30m)	200m (-6m ke +6m)				
Masa	180 saat	180 saat ± 4 saat	36 saat ± 1 saat				
TEKS1M Pulau Pinang							
Tambang	RM 4.00	RM 4.35	RM 0.35	20 km/j	20 km/j		
Jarak	1000m	1000m (-10m ke +30m)	200m (-6m ke +6m)				
Masa	180 saat	180 saat ± 4 saat	36 saat ± 1 saat				
Teksi Eksekutif							
Tambang	RM 6.00	RM 6.20	RM 0.20	30 km/j	17 km/j		
Jarak	1000m	1000m (-10m ke +30m)	100m (-6m ke +3m)				
Masa	120 saat	120 saat ± 4 saat	21 saat ± 1 saat				

PROSEDUR PEMBERIAN MAKLUMAT

- Sebarang aktiviti yang mencurigakan, pelanggan boleh melaporkan terus ke:
 - i. **Emel**
whistleblowing@drb-hicom.com
 - ii. **Nombor Telefon**
1-800-88-2005
 - iii. **Surat-Menyurat**
Bahagian Audit Dalam Kumpulan
DRB-HICOM Berhad
Tingkat 5, Wisma DRB-HICOM
No.2, Jalan Usahawan U1/8,
Seksyen U1, 40150 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

TERMA & SYARAT

- Buku Panduan ini adalah sebagai rujukan am sahaja.
- Buku Panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.
- Walaupun setiap usaha telah dibuat untuk menyemak ketepatan penerbitan Buku Panduan ini. Segala kemusykilan boleh merujuk kepada Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan, PUSPAKOM Sdn Bhd.
- Terbitan: 1 Februari 2018
- Dikemaskini: 2 Julai 2021

RUJUKAN

1.0	Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)
2.0	Kaedah Pengangkutan Jalan
3.0	Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334)
4.0	Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)
5.0	Akta Perlesenan Kenderaan Perlancongan 1999 (Akta 594)
6.0	Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715)
7.0	Arahan Semasa Pihak Berkuasa (JPJ, JAS, SPAD, LPKP)
8.0	Arahan Operasi Semasa PUSPAKOM
9.0	<i>Standard Operating Procedures</i> PUSPAKOM